

Ucapan Aluan & Pengenalan Pemidato
Y.Bhg. Profesor Dr. Asma Ismail
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
Syarahannya Umum USIM 2012
“Rumpun Melayu- Teori Migrasi & Diaspora”
oleh
Y.Bhg. Prof. Dato’ Dr. Wan Hashim Wan Teh

Dewan Kuliah Utama FPQS
2.30 petang
27 Disember 2012M / 13 Safar 1434H (Khamis)

Terima kasih pengerusi majlis

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Satu Malaysia*

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaan-Nya dapatlah kita sama-sama berkumpul di dewan ini bagi menjayakan sebuah program berprestij, yang merupakan salah satu cabang atau wadah dunia akademik berkongsi kepakaran serta meningkatkan tahap keserjanaan masing-masing. Program pada hari ini diharapkan akan membuka ruang paradigma baru dan seterusnya menjadi pendorong kepada mutiara-mutiara USIM untuk menyampaikan syarahan seumpamanya pada masa akan datang di bumi bertuah ini.

2. Mewakili pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya ingin rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Penerbitan dengan kerjasama Pusat Pengajian Teras kerana telah berjaya melaksanakan program **Syarahannya Umum USIM 2012** pada hari ini. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung

mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini. Semoga program pada hari ini dapat menjadi perintis kepada siri-siri syarahan umum yang lain pada masa akan datang.

Y. Bhg. Tan Sri, Dato'- Dato' dan Hadirin Sekalian

3. Sebentar lagi kita bakal disajikan dengan syarahan umum oleh tokoh akademik yang tidak asing lagi iaitu **Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh**. Beliau merupakan **Ahli Lembaga Pengarah USIM** dan dalam masa yang sama merupakan **Profesor di Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**. Tajuk syarahan yang akan disampaikan olehnya agak melankolik dan puitis, ***Rumpun Melayu Teori Migrasi dan Diaspora***.

4. Tanpa melengahkan masa, sebagai permulaan, eloklah saya perkenalkan dahulu tokoh yang akan menyampaikan syarahan umum pada petang ini. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, **Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh** dilahirkan di Gerik, Perak pada 19hb. Disember 1949. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar dan seterusnya di Maktab Tentera Diraja, Sg. Besi. Beliau menyambung pengajian di *Monash University*, Australia dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam bidang Antropologi dan Sosiologi masing-masing pada tahun 1973 dan 1976. Beliau dilantik sebagai tutor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974. Kemudian dilantik sebagai pensyarah pada tahun 1976. Pada tahun 1982, beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada University of Manchester, United Kingdom.

5. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh banyak menjalankan penyelidikan yang tertumpu kepada Transformasi & Perubahan Nilai Masyarakat Desa, Hubungan Etnik, Peranan Orang Melayu Dalam Perang Dunia Kedua, Sejarah Warisan dan Tamadun Melayu dan menerokai bidang baru Rumpun Melayu Diaspora. Beliau telah menyelia sebilangan besar pelajar peringkat Pascasiswazah, Ijazah Kedoktoran dan Sarjana dalam menelusuri ceruk bidang tersebut. Hasil penyelidikan beliau tentang *Rumpun Melayu Diaspora* dirujuk oleh pelbagai agensi termasuk **Jabatan Perdana Menteri, Wisma Putra, Institute of Strategic and International Studies (ISIS)**,

Malaysian Strategic Research Centre (MSRC), Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA), RTM dan TV3 serta dirujuk oleh para sarjana di **Johann Wolfgang Goethe Universitae di Frankfurt, Jerman** untuk membuat pemetaan mengenai Melayu Diaspora. Malah, hasil kajiannya berjudul **Sejarah Gerila Melayu Force 136** telah digunakan sebagai bahan rujukan oleh **British Broadcasting Corporations (BBC), London**.

6. Kajian dan penyelidikan yang dijalankannya membolehkan beliau membentangkan kira-kira 60 kertas kerja persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menerbitkan hampir 30 buah artikel dalam buku serta jurnal akademik dan lebih daripada 200 buah rencana untuk akhbar dan majalah semasa yang sentiasa menjadi rujukan. Beliau juga banyak menghasilkan penulisan kreatif untuk novel, teater dan siri drama tv. Antara penulisan ilmiah beliau yang berkait-rapat dengan syarahan umum pada hari ini ialah **Rumpun Melayu sebagai Kelompok Minoriti - keluaran khas Rumpun Melayu Polinesia, Rumpun Melayu di Australia Barat, Rumpun Melayu Afrika Selatan dan Rumpun Melayu, Minoriti dan Diaspora**.

7. Kepakaran Prof. Dato' Dr. Wan Hashim diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila beliau dilantik sebagai **Felo Penyelidik di Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura** dan merupakan penerima **Geran Volkswagen Foundation untuk Kajian Pembangunan Industri Kraftangan** antara tahun 1985 hingga 1986. Pada waktu yang sama beliau juga merupakan Timbalan Dekan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Dengan latar belakang akademik dan pentadbiran yang kukuh, beliau telah mempamerkan keupayaannya untuk menyumbang secara efektif. Beliau dilantik menerajui Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM dari tahun 1993 hingga 1997. Pada tahun 1997, beliau dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UKM.

Y. Bhg. Tan Sri, Dato'- Dato' dan Hadirin Sekalian

8. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh juga bergiat aktif di luar akademia. Pelantikannya untuk memegang jawatan penting dalam pelbagai badan dan institusi negeri kelahirannya serta negara memperlihatkan kepentingan idea dan keperluan sumbangan beliau

terhadap pembangunan bidang terbabit. Beliau pernah dilantik sebagai **Timbalan Pengerusi FINAS; Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan (ASWARA); Pengerusi Yayasan Perak; Pengerusi Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara; Ahli dan kemudian Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Integriti Parlimen Malaysia; Pengerusi Institut Terjemahan Negara Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Protem Majlis Seni-Budaya Malaysia.** Bahkan beliau pernah bertanding dan memenangi Pilihanraya Umum ke-11 untuk kerusi **Parlimen Grik** antara tahun 2004 hingga 2008.

9. Dengan kurniaan 4 orang anak dan datuk kepada 4 orang cucu, beliau kini merupakan **Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Ahli Lembaga Pengarah Muzium Perak; Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia;** dan **Profesor di Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).** Pelantikan jawatan ini membolehkan beliau memainkan peranan yang signifikan, melalui sumbangan serta perkongsian idea dan pengetahuan dalam sesi mesyuarat dan perbincangan, di samping mempamerkan kebolehan berorganisasi dan kemahiran kepimpinan yang tinggi.

10. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim telah menunjukkan kemajuan kerjaya yang cemerlang dan sangat komited terhadap pembangunan seni budaya Melayu di Malaysia. Beliau merupakan individu contoh yang bukan sahaja telah membuktikan kemampuan untuk memikul pelbagai tanggungjawab pada satu masa, malah menunjukkan kebolehan memikul amanah dengan sama rata. Kejayaan beliau wajar dijadikan inspirasi kepada rakan sejawat dan komuniti sastera secara amnya. Pencapaian beliau menjadikan beliau sebagai ***qudwah hasanah*** atau contoh ikutan yang baik serta sumber inspirasi kepada kita semua dalam rumpun Melayu Nusantara.

11. Demikianlah serba-sedikit latar belakang dan pengalaman penyampai syarahan umum kita pada hari ini.

12. Saya dengan ini **mempersilakan Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh** untuk menyampaikan Syarahan Umum beliau dengan tajuk ***Rumpun Melayu Teori Migrasi dan Diaspora.*** Dengan segala hormatnya dipersilakan...